

**Timbalan presiden PAS: Harun nafi tarik diri**  
**Malaysiakini.com**  
**May 31, 2007**

Ketua Dewan Ulama PAS Datuk Harun Taib mengesahkan bahawa beliau akan mencabar Nasharuddin Mat Isa bagi jawatan timbalan presiden dalam muktamar parti itu yang bermula esok.

Keputusan Harun bertanding jawatan Timbalan Presiden melenyapkan desas desus kononnya beliau akan menarik diri di saat akhir bagi memberi laluan kepada Nasharuddin mengekalkan jawatan itu.

"Saya cuma menjaga perasaan ahli parti dan akan menerima sebarang keputusan yang dibuat perwakilan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Muktamar Tahunan ke-53 Dewan Ulama PAS di sini malam tadi.

Pada majlis itu, Harun mengumumkan beliau tidak akan mempertahankan jawatan Ketua Dewan Ulama untuk memberi tumpuan kepada pertandingan bagi jawatan timbalan presiden.

Menurut laporan Bernama, jawatan Ketua Dewan Ulama akan diisi oleh timbalan ketua sekarang, Datuk Mohamad Daud.

Ini berikutan seorang lagi calon yang juga mempunyai nama serupa, Dr Mohamad Daud, menarik diri semalam.

Nasharuddin pula berkata beliau menyerahkan kepada 1,125 anggota perwakilan dalam muktamar itu untuk menilai kepimpinannya berdasarkan rekod perkhidmatan selama dua tahun menyandang jawatan itu.

### **Hadi, Salahudin menang**

Sementara itu, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Ketua Dewan Pemuda (DPP) PAS Salahuddin Ayub masing-masing menang tanpa bertanding dalam pemilihan parti kali ini.

Setiausaha Agung PAS, Datuk Kamaruddin Jaafar berkata, bagi jawatan ketua dewan muslimah, penyandangannya, Azizah Khatib Mat akan dicabar ketua muslimah Wilayah Persekutuan, Noridah Salleh.

Bagi jawatan naib presiden, Datuk Hasan Ali yang juga pesuruhjaya PAS Selangor tidak mempertahankan jawatan yang dimenangnya sejak dua penggal lalu. Hasan bagaimanapun, tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan komen.

Bagaimanapun, Datuk Husam Musa dan Mohd Sabu menawarkan diri untuk mempertahankan jawatan naib presiden bersama Pesuruhjaya PAS Johor, Dr Mahfodz Mohamed, Ahmad Awang (Ketua Penerangan) dan Mahfuz Omar (bekas ketua pemuda PAS).

Ketua Pemuda PAS Pahang, Nasharuddin Tantawi pula menang tanpa bertanding jawatan timbalan ketua DPP yang kosong ekoran pengunduran penyandang jawatan sekarang, Idris Ahmad.

Kamaruddin berkata, tiga calon akan bertanding jawatan naib ketua DPP iaitu Setiausaha DPP,

Ahmad Sabki Yusof, Ketua DPP Kelantan, Mohd Zaki Ibrahim dan Ketua DPP Terengganu, Azman Sharpawi Abdul Rani.

Bagi jawatan timbalan ketua dewan muslimah, penyandanginya, Dr Lolo' Ghazali berdepan dengan Ketua Muslimah Selangor, Wan Hasrina Ahmad, manakala Ketua Muslimah Kelantan, Siti Zailah Yusof menang tanpa bertanding bagi jawatan naib ketua.

Kamaruddin berkata, calon diberi tempoh sehingga tengah malam tadi jika mereka mahu menarik diri dari bertanding.

Muktamar PAS ke-53 akan bermula esok di Kota Baru dengan perhimpunan Pemuda dan wanita yang akan dirasmikan oleh Nasharuddin.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/67966>